

B B255 DEB  
MAHATHIR - KUWASA R R R  
1985

KUALA LUMPUR, 14 MEI (BERNAMA) -- KERAJAAN TELAH MENGENAL PASTI 14 PIHAK BERKUASA AWAM BAGI PENGAWASAN SEGERA PERBELANJAAN MEREKA SEBAGAI SATU LANGKAH UNTUK MEMPERBAIKI PERBELANJAAN NEGARA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, KERAJAAN AKAN MENGANALISA DAN MENGGUBAL DASAR-DASAR YANG DIFIKIRKAN BERSEKUTUAN SELARAS DENGAN LANGKAH ITU.

KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KUWASA) DI SINI, BELIAU BERKATA BAHAWA LANGKAH ITU MERUPAKAN SATU CONTOH DI MANA KERAJAAN MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS PERBELANJAAN AGENSI-AGENSI AWAM DAN KERAJAAN KESELURUHANNYA SUPAYA SELARAS DENGAN KEUP. YAN DAN KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA.

DI SAMPING ITU, BELIAU TELAH MENGARAHKAN AGENSI-AGENSI AWAM SUPAYA BERUSAHA SENDIRI KE ARAH CITA-CITA MENURUNKAN PERBELANJAAN MASING-MASING.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA NEGARA AKAN TERPERANGKAP DENGAN HUTANG YANG BESAR SEPERTI YANG DIHADAPI OLEH BEBERAPA BUAH NEGARA DI AMERIKA LATIN SEKIRANYA IA TIDAK CEPAT BERTINDAK MENGHADAPI KEADAAN EKONOMI DAN KEWANGAN SEKARANG. -- LAGI.

1913MST 14 05 85

D653

B B256 DEB  
MAHATHIR - KUWASA 2 KUALA LUMPUR R R R

+PENGORBANAN YANG KITA BUAT SEKARANG AKAN MENJADIKAN MASA DEPAN KITA LEBIH CERAH,+ KATANYA.

SELARAS DENGAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PIHAK PENGURUSAN KWSP AKAN SENTIASA MENGAMALKAN PENGURUSAN KEWANGAN YANG BERHATI-HATI DAN CERMAT.

LANGKAH ITU BUKAN SAHAJA AKAN MEMELIHARA KEPENTINGAN ANGGOTA-ANGGOTANYA TETAPI JUGA NAMA BAIK BADAN-BADAN AWAM.

PERDANA MENTERI BERKATA AGENSI-AGENSI AWAM HENDAKLAH MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH UTAMA BAGI MENJAMIN EKONOMI YANG KUKUH MENERUSI PENGURUSAN KOS ATAU PERBELANJAAN YANG TIDAK MEMBAZIR.

+KECEKAPAN PENGURUSAN WANG DAN SIKAP BERTANGGUNGJAWAB MESTILAH WUJUD PADA SETIAP AGENSI DAN PARA PEGAWAINYA,+ KATANYA. -- LAGI.

1914MST 14 05 85

D657

B B259 DEB  
MAHATHIR - KUWASA 3 KUALA LUMPUR R R R

KWSP YANG DITUBUHKAN PADA 1952, KINI MEMPUNYAI HARTA TERKUMPUL BERJUMLAH LEBIH DARIPADA \$20,200 JUTA DAN MEMPUNYAI ANGGOTA SERAMAI 4.6 JUTA ORANG.

PERDANA MENTEBELAIAN SURAT-SURAT JAMINAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN LALU.

SETAKAT INI SERAMAI 115,326 ANGGOTA TELAH MENDAPAT FAEDAH DARIPADA SKIM PENGELUARAN WANG SIMPANAN BAGI MEMBELI RUMAH DAN KWSP TELAH MENGELUARKAN \$475.8 JUTA BAGI TUJUAN TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP KWSP AKAN DAPAT MENGGUBAL CARA-CARA LAIN YANG BERSEKUTUAN BAGI MEMBOLEHKAN ANGGOTA-ANGGOTANYA MENGGUNAKAN LEBIH LUAS LAGI WANG SIMPANAN MEREKA DI KWSP.

BANGUNAN KUWASA SETINGGI 28 TINGKAT ITU TELAH DIBINA DENGAN BELANJA \$130 JUTA DAN MELAMBANGKAN PERKEMBANGAN YANG DICAPAI OLEH KWSP SEJAK IA DITUBUHKAN 33 TAHUN LALU. -- BERNAMA.

1921MST 14 05 85